

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

SAU401 Evolusi Sistem-Sistem Pelapisan Sosial

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**BAHAGIAN A** (20 Markah)

Jawab **SEMUA** soalan. Tiap soalan pendek adalah **WAJIB** dan akan diberi markah yang sama. Gunakan ruang-ruang yang disediakan pada kertas ini untuk jawapan anda

1. Apakah kelemahan menggunakan status perkerjaan ("occupational prestige") sebagai asas corak pelapisan sosial?

---

---

---

---

[4 markah]

2. Apakah golongan yang menunjukkan ciri-ciri "quasi group" atau "middle class" dalam sistem kelas negara Inggeris pada abad kesembilan belas?

---

---

---

---

[SAU 401]

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

3. Apakah maksud keadaan pecahan ("decomposition") kelas kapitalis?

---

---

---

---

[ 4 markah ]

4. Kenapakah kegunaan "wang garam" ("salt money") di kalangan kaum Baruya tidak boleh dianggap sebagai tanda permulaan kapitalisma?

---

---

---

---

[ 4 markah ]

5. Sebutkan salah satu hujah yang D. Freeman menggunakan untuk membuktikan bahawa suku bangsa Iban merupakan sebuah masyarakat kesamaan ("egalitarian").

---

---

---

---

[ 4 markah ]

...3/-

[SAU 401]

**BAHAGIAN B** ( 80 Markah)

Jawab **EMPAT** (4) soalan sahaja. Gunakan buku jawapan.

6. Beberapa pendekatan digunakan untuk mengkaji unsur-unsur stratifikasi di Malaysia, di antaranya pendekatan J. Armstrong dan J. Sundaram. Bincangkan perbezaan di antara dua pendekatan ini dengan tumpuan kepada konsep-konsep, petunjuk-petunjuk dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh dua sarjana ini.

[20 markah]

7. Bincangkan empat anggapan asas dalam teori fungsionalisme tentang stratifikasi dan kritik tiap-tiap satu.

[20 markah]

8. Bandingkan dua jenis pelapisan yang terdapat

(a) di Jawa pada zaman penjajahan Belanda

(b) di masyarakat-masyarakat Afrika

sertauraikan setakat mana sistem pelapisan itu menyokong penembusan pengaruh sistem kapitalisma dunia.

[20 markah]

9. Huraikan sifat-sifat khas sistem pelapisan bercorak feudal di Malaysia. Terangkan samada sistem ini adalah serupa dengan Asiatic Mode of Production (Marx).

[20 markah]

. . . 4/-

10. Jelaskan perbezaan di antara:

- [a] "Outcaste" di India
- [b] Hamba di Malaysia
- [c] Eta di Jepun

dari segi perhubungan penghasilan. Nyatakan bagaimana tiap lapisan tersebut boleh mengubah statusnya.

[20 markah]

11. Bolehkah sistem ketidaksamaan dihapuskan? Beri dua hujah yang bertentangan.

[20 markah]

12. Gambarkan evolusi ke arah keadaan ketidaksamaan dari masyarakat binatang ke masyarakat pemburu-mengutip ke masyarakat tanaman kebun. Dalam tiap-tiap kes, tumpulah kepada corak ketidaksamaan serta faktor-faktor yang mengakibatkannya.

[20 markah]

13. Bincangkan sifat-sifat stratifikasi menurut jantina dalam komuniti tribal dan sistem perhamaan. Apakah perubahan dalam stratifikasi jantina akibat daripada kemasukan sistem kapitalis?

[20 markah]